

# KEMAHIRAN PENGGUNAAN BAHASA SEBAGAI SKIL UNIVERSAL DALAM IMPROVASI KEYAKINAN DAN KETERAMPILAN JATI DIRI AKADEMIK EKSPATRIAT DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

***LANGUAGE PROFICIENCY AS A UNIVERSAL SKILL IN THE IMPRESSION OF EXPATRIATE ACADEMIC CONFIDENCE AND SELF-ESTEEM AT PUBLIC UNIVERSITIES MALAYSIA***

**Dr Irma Wani Othman**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.  
(Email: [irma@ums.edu.my](mailto:irma@ums.edu.my))

**Received date:** 08-12-2019

**Revised date:** 11-12-2019

**Accepted date:** 14-12-2019

**Published date:** 16-12-2019

**To cite this document:** Othman, I. W. (2019). Kemahiran Penggunaan Bahasa Sebagai Skil Universal dalam Improvasi Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10), 91-106.

**DOI:** [10.35631/IJMTSS.210009](https://doi.org/10.35631/IJMTSS.210009)

---

**Abstrak:** Secara dasarnya, perbincangan dalam kertas kerja ini memfokuskan pada penerokaan elemen jati diri yang berkait rapat dengan penguasaan bahasa dalam kalangan individu yang menjalani ekspatriasi melalui usaha sendiri. Justeru itu, mereka mengambil inisiatif proaktif bagi menempatkan diri mereka berada pada kedudukan yang selesa dalam organisasi bagi peningkatan kerjaya di negara tuan rumah. Maka perbincangan dalam kertas kerja ini terarah untuk menerokai perhubungan elemen kemahiran penggunaan bahasa dalam transformasi jati diri serta keyakinan dalam kalangan ahli akademik ekspatriat di universiti awam Malaysia. Dalam maksud yang lain, situasi merujuk kepada sikap proaktif akademik ekspatriat berusaha untuk menggantikan identiti dan nilai budaya negara asal seperti melepaskan kelaziman berbahasa ibunda dan menguasai bahasa tempatan bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi semasa seterusnya penerimaan oleh masyarakat setempat. Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi temu bual semi struktur ke atas 30 pensyarah berstatus kakitangan antarabangsa di universiti awam Malaysia. Hasil dapatkan kajian ini membuktikan keyakinan diri difahami berperanan dalam membangunkan pemikiran dan tindakan seseorang dalam komunikasi dan interaksi bersama struktur sosial dan fenomenologi tersebut mengikat seseorang dengan seseorang yang lain. Justeru itu dalam konteks kajian ini, keyakinan diri dilihat sebagai lebih bersifat peribadi dan dinamik. Seiring dengan perbincangan kertas kerja ini, pentafsiran ekspatriat berhubung improvisasi keyakinan

dan keterampilan jati diri serta membantu penyelidik lebih memahami tindakan ekspatriat dalam menginterpretasikan keyakinan diri yang diperolehi dari ekspatriasi tersebut.

**Kata Kunci:** Akademik Ekspatriat, Penggunaan Bahasa Tempatan, Keyakinan dan Keterampilan Diri

**Abstract:** *The fundamental discussion in this paper focuses and explores the elements of identity associated with local language mastery among individuals who are self-initiated expatriates. As a result, they are taking proactive initiatives to put themselves in a good position in the organization for career enhancement in the home country. The discussion in this paper is therefore aimed at exploring the relationship between the elements of language skills in the transformation of identity and confidence among expatriate academics in Malaysian public universities. In other words, the situation refers to the expatriate academic proactive attitude of trying to replace the country's cultural identity and values such as releasing the native language and mastering the local language to improve communication skills in the future. The study utilises qualitative methods that included semi-structured interviews of 30 international staff status lecturers at Malaysian public universities. The findings of this study prove that self-confidence plays a role in developing one's thoughts and actions in communicating and interacting with social and phenomenological structures that bind one to another. Thus, in the context of this study, self-confidence is seen as more personal and dynamic. In line with the discussion of this paper, the expatriate's interpretation of the improvisation of confidence and self-esteem and helps the researcher better understand the expatriate's actions in interpreting the self-confidence gained from the experiment.*

**Keywords:** Expatriate Academic, Local Language Mastery, Self-Confidence Self-Esteem

---

## Pengenalan

Secara amnya golongan ekspatriat terbahagi kepada dua kumpulan iaitu ekspatriat berdikari (individu yang menjalani ekspatriasi di atas inisiatif sendiri) dan ekspatriat eksekutif (pekerja yang dihantar oleh organisasi di atas tugas antarabangsa). Namun persamaan kedua-duanya adalah mereka bermastautin di luar negara bagi jangka masa tertentu dan menempuh pengalaman ekspatriasi dalam persekitaran yang baru (Danilyuk dan PasChenko, 2012). Dari perspektif pengurusan kerjaya ekspatriat, hala tuju dan orientasi pembangunan kerjaya dikatakan bersifat lebih stabil dalam kalangan ekspatriat berdikari jika dibandingkan dengan ekspatriat eksekutif. Menurut Biemann dan Andresen (2010) ekspatriat berdikari berkecenderungan untuk memulakan kerjaya jauh lebih muda, memamerkan keyakinan diri pada tahap yang lebih tinggi serta berkeyakinan dalam membangunkan kerjaya mereka dengan lebih pro aktif dengan mengutilasikan pengalaman mereka untuk mendapatkan ganjaran kewangan yang lebih besar.

Manakala arus globalisasi memangkinkan revolusi industri pendidikan tinggi dan sekali gus memperlihatkan peningkatan ekspatriasi dalam kalangan ahli akademik (Ariss dan Crowley-Henry, 2013). Dasar pengantarabangsaan pengajian tinggi di seluruh dunia telah memberi ruang yang luas bagi golongan akademik ekspatriat melebarkan sayap mereka ke serata pelusuk dunia disebabkan oleh keperluan terhadap kepakaran bidang akademik mereka. Sementara itu penyelidikan berhubung pengurusan ekspatriat yang memfokuskan ahli akademik sebagai subjek kajian dilihat lebih cenderung membincangkan isu-isu pedagogi seperti pembangunan dan perlaksanaan kurikulum antarabangsa berdasarkan keperluan

universiti dan isu-isu pengajaran dan pendidikan yang boleh dimanfaatkan daripada ahli akademik yang berpengalaman (Doherty, Richardson dan Thorn, 2013). Sorotan literatur pengurusan ekspatriasi mengetepikan penekanan dalam menganalisa perbezaan dari segi pendorong bekerja di peringkat antarabangsa berdasarkan kredibiliti diri, motivasi, sumber aspirasi, hala tuju orientasi dan kaedah pengurusan kerjaya antara golongan ekspatriat ditugaskan dan ekspatriat berinisiatif sendiri (Ariss dan Crowley-Henry, 2013).

Dalam konteks sektor pendidikan tinggi negara, misi utama universiti adalah mempunyai warga kerja bukan sahaja pakar dalam bidang akademik semata-mata, malahan mestilah datang dari pelbagai diversiti warna kulit, bangsa dan agama serta bersifat pro aktif dan mempunyai skil komunikasi universal termasuklah mahir bercakap lebih dari satu bahasa serta berketerampilan jati diri yang tinggi. Kemahiran dalam penggunaan bahasa negara tuan rumah merupakan kelebihan yang bernilai kepada golongan ekspatriat kerana ciri tersebut berupaya untuk meningkatkan lagi keyakinan diri semasa ekspatriasi. Kualiti karakter tersebut menghasilkan aura keperibadian yang menonjol bukan sahaja dalam diri, malahan mewujudkan rasa hormat dalam kalangan kakitangan tempatan terhadap keupayaan serba boleh ekspatriat menguasai bahasa tempatan yang seterusnya memudahkan kelancaran komunikasi di tempat kerja. Dari perspektif organisasi pula kemahiran berbahasa tempatan dalam kalangan kakitangan antarabangsa memberi indikasi bahawa latihan silang budaya yang dianjurkan oleh kebanyakan organisasi MNC memberi kesan positif dan membuktikan ekspatriat telah berjaya mengasimilasikan diri dengan persekitaran semasa.

Secara dasarnya, perbincangan dalam kertas kerja ini memfokuskan pada penerokaan elemen jati diri yang berkait rapat dengan penguasaan bahasa dalam kalangan individu yang menjalani ekspatriasi melalui usaha sendiri. Justeru itu, mereka mengambil inisiatif proaktif bagi menempatkan diri mereka berada pada kedudukan yang selesa dalam organisasi bagi peningkatan kerjaya di negara tuan rumah. Maka perbincangan dalam kertas kerja ini terarah untuk menerokai perhubungan elemen kemahiran penggunaan bahasa dalam transformasi jati diri serta keyakinan dalam kalangan ahli akademik ekspatriat di universiti awam Malaysia. Dalam konteks penghujahan yang diutarakan, ianya lebih merujuk aspek asimilasi diri semasa proses ekspatriasi di negara tuan rumah dengan inisiatif mereka melepaskan nilai-nilai lama dan memperbaruiinya dengan nilai-nilai semasa. Dalam maksud yang lain, situasi merujuk kepada sikap proaktif akademik ekspatriat berusaha untuk menggantikan identiti dan nilai budaya negara asal seperti melepaskan kelaziman berbahasa ibunda dan menguasai bahasa tempatan bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi semasa seterusnya penerimaan oleh masyarakat setempat.

## Sorotan Literatur

### *Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri*

Perbincangan berhubung keyakinan dan keterampilan jati diri dalam kalangan ekspatriat kerap diketengahkan namun pendekatan yang diambil adalah meletakkan kelebihan tersebut bagi dimanfaatkan di pihak organisasi dan bukannya ekspatriat sebagai subjek kajian (Rashid Aziz, 2014). Keyakinan dan keterampilan jati diri ekspatriat berdikari secara jelas dilihat sebagai suatu cara bagi mengiktirafkan keupayaan seseorang individu bertindak balas dengan rangsangan luar, lantas membawa nilai positif kepada dirinya. Proses proaktif tersebut dilakukan dengan cuba mencari jawapan terhadap perubahan dan transformasi diri ketika berada di negara orang. Pencarian jawapan berhubung identiti diri mereka sebagai seorang ekspatriat termasuklah menerokai budaya asing, melepaskan budaya negara asal,

mengembangkan rangkaian kenalan dan melakukan penilaian terhadap potensi serta kemampuan diri menangani cabaran hidup di luar negara.

Keyakinan diri memberikan kelebihan secara rohaniah apabila ekspatriat memperoleh keselesaan menjalani rutin kehidupan sehari-hari. Proses asimilasi dalam struktur sosial dikenali sebagai suatu proses kognitif yang berlaku secara perorangan ketika cuba mengadaptasikan ke dalam persekitaran budaya asing. Manakala kajian yang dilakukan oleh Peltokropi dan Frose (2014) mendakwa bahawa elemen kurang keyakinan diri memberi implikasi kesukaran dalam penyesuaian diri di negara luar dari negara asalnya. Dalam konteks tersebut keyakinan diri dikaitkan dengan proses psikologi yang memberi indikasi bagi ekspatriat yang mempunyai keyakinan diri yang rendah maka mereka bakal menghadapi kesukaran untuk menerokai perbezaan budaya yang terdapat di negara tuan rumah. Sebaliknya bagi ekspatriat yang berkeyakinan tinggi memperlihatkan kecenderungan untuk memupuk kemahiran insaniah dengan berusaha menyesuaikan dengan persekitaran melalui cara mengenali perbezaan budaya, menghormati adat resam masyarakat tempatan dan belajar untuk menguasai bahasa negara tuan rumah.

Terdapat bukti empirikal dari kajian lepas yang memperdebatkan elemen keyakinan diri yang dikaitkan dengan transformasi jati diri golongan ekspatriat. Penemuan Richardson (2000) dalam kajiannya berkait rapat dengan sumbangan nilai tambah (*value added*) elemen keyakinan diri dengan perubahan potensi, dinamika dan identiti dalam kalangan ekspatriat berdikari semasa menempuh ekspatriasi. Menurut Jones dan McEwen (2002) usaha untuk menghadapi situasi berbeza bukan sahaja di tempat kerja, malahan di dalam kehidupan sehari-hari secara peribadinya memberi kesan ke atas jati diri ekspatriat. Andaian positif dan interpretasi individu terhadap struktur sosial yang baru mampu untuk meningkatkan nilai-nilai positif dalam diri ekspatriat seterusnya membantu meningkatkan lagi keterampilan diri mereka. Dalam konteks tersebut, andaian berhubung keperluan ke atas kepentingan tindakan proaktif individu dalam struktur sosial dilihat mempunyai perkaitannya dengan pengalaman ekspatriasi seseorang ekspatriat.

Seperti yang telah dibincangkan oleh Majid Wahid Shaikh dan Kamarul Zaman Ahmad, (2018), keyakinan diri difahami berperanan dalam membangunkan pemikiran dan tindakan seseorang dalam komunikasi dan interaksi bersama struktur sosial dan fenomenologi tersebut mengikat seseorang dengan seseorang yang lain. Justeru itu keyakinan diri dikatakan lebih bersifat peribadi dan dinamik. Seiring dengan perbincangan kertas kerja ini, maka pendekatan naratif digunakan bagi memperoleh pemahaman terhadap pentafsiran ekspatriat berhubung improvisasi keyakinan dan keterampilan jati diri serta membantu penyelidik lebih memahami tindakan ekspatriat dalam menginterpretasikan keyakinan diri yang diperolehi dari ekspatriasi tersebut.

### **Kemahiran dan Penggunaan Bahasa**

Kemahiran penggunaan bahasa merupakan salah satu elemen yang seringkali dikaitkan dengan keyakinan diri yang menentukan kejayaan ekspatriat dalam menyesuaikan diri dalam persekitaran baru. Budaya asing sememangnya menjadi cabaran hebat bagi majoriti ekspatriat terutamanya bagi mereka yang baru pertama kali datang ke negara luar. Namun halangan tersebut dapat diatasi dengan baik sekiranya ekspatriat mempunyai kemahiran berbahasa tempatan. Penggunaan bahasa tuan rumah berkemampuan untuk mengeliminasikan masalah kekangan komunikasi terutamanya dalam situasi silang budaya dengan rakan sekerja dan masyarakat tempatan (Philipp dan Katrin, 2017). Kelebihan bahasa dikatakan berguna untuk

memandu ekspatriat dan keluarga dalam proses penyesuaian diri. Adaptasi di negara tuan rumah di mana persekitaran yang berbeza berupaya untuk menimbulkan kejutan budaya yang sukar untuk ditangani tanpa mencapai akses maklumat yang tepat berhubung sesuatu isu. Manakala tugas antarabangsa yang digalas oleh ekspatriat menjadi lebih mudah apabila ekspatriat menggunakan peluang faham dengan bahasa negara tuan rumah. Ini dapat dilihat apabila rangkaian bantuan yang lebih luas berjaya diperoleh dengan bertanyakan sendiri setiap kali berhadapan dengan kesukaran memahami perkara mahupun tugas.

Dalam kajian serupa, Selmer dan Lauring, (2015), juga menghujahkan golongan ekspatriat seringkali memanipulasikan kelebihan berbahasa tempatan untuk meningkatkan pemahaman berhubung latar belakang budaya dan adat resam masyarakat setempat yang menjadi asas kepada cara kehidupan yang berbeza. Tidak dinafikan bahawa proses ekspatriasi itu sendiri memberikan pengalaman yang berbeza di antara satu individu dengan individu yang lain dan setiap dari ekspatriat tidak dapat lari dari menempuh pengalaman baru sekiranya baru pertama kali menetap di negara asing. Namun kesukaran proses asimilasi tersebut dapat dieliminasikan dengan bantuan masyarakat tempatan yang kebanyakannya merasa lebih teruja untuk membantu dengan rela hati apabila bertemu dengan warga negara luar yang mengambil inisiatif awal menguasai bahasa tempatan mereka. Kesungguhan seseorang ekspatriat dalam menggunakan bahasa tempatan pada kebiasaannya berjaya menambat hati orang sekeliling, justeru itu perkhidmatan “guru bahasa percuma” diperoleh dalam kalangan rakan sekerja dan sahabat handai. Peranan pihak signifikan dengan kehidupan ekspatriat menjadi medium bernilai bagi golongan ekspatriat dalam mempelajari bahasa baru dengan cepat dan lancar.

Kajian yang dilakukan oleh Canhilal, Shemueli dan Dolan (2015), turut menyokong pandangan bahawa golongan ekspatriat merupakan kumpulan yang bakal berhadapan dengan pelbagai masalah berhubung dengan tugas baru apabila pertama kali tiba di negara tuan rumah. Dari perspektif tersebut ekspatriat sepatutnya menjangkakan halangan bahasa adalah antara faktor yang utama dalam menyesuaikan diri di tempat kerja. Dalam memulakan kerjaya di tempat baru, ekspatriat sentiasa berhadapan dengan isu-isu pekerjaan atau tugas baru. Maka kemahiran penguasaan bahasa yang melibatkan penggunaan harian untuk berkomunikasi dalam organisasi dan skop persekitaran budaya yang luas turut membantu ekspatriat mempelajari sesuatu perkara yang boleh dijangkakan terutamanya dalam konteks menjawab persoalan bagaimana untuk mentafsir sesuatu perkara yang akan dihadapi pada setiap hari, dan apakah tingkah laku yang sesuai digunakan dan diaplikasikan dalam pelbagai situasi (Bhatti *et al.*, 2014). Tambahan lagi dalam pelbagai keadaan, ekspatriat memerlukan kefahaman serta pengetahuan kerja yang jelas untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Perkara sedemikian akan menjadi lebih mudah dengan penguasaan bahasa yang baik.

### **Metodologi Penyelidikan**

Kajian yang dilakukan merupakan penyelidikan berbentuk penerokaan yang merungkai kemahiran penggunaan bahasa sebagai skil universal dalam improvisasi keyakinan dan keterampilan jati diri akademik ekspatriat di universiti awam Malaysia. Keputusan untuk mengaplikasikan reka bentuk kajian kes bagi kajian ini adalah untuk meninjau secara intensif melalui pemerhatian interaksi dan jalinan komunikasi setempat antara kelompok sosial yang merangkumi sama ada individu, gabungan individu, kesatuan ataupun masyarakat setempat (Yin, 2009). Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi temu bual semi struktur ke atas 30 pensyarah berstatus kakitangan antarabangsa di universiti awam Malaysia. Penentuan reka bentuk kajian kes dalam kajian ini adalah disebabkan pemahaman secara

menyeluruh dirasakan penting bagi mendapatkan penjelasan daripada responden berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan (Silverman, 2013).

Dari kaca mata penyelidik, kajian kes jenis intrinsik merupakan pilihan terbaik untuk diaplikasikan dalam kajian ini memandangkan reka bentuk kajian kes berupaya untuk mendapatkan penjelasan berhubung diaspora kumpulan elit ekspatriat iaitu sarjana akademik menempuh ekspatriasi dan menggunakan kelebihan kemahiran berbahasa tempatan untuk meningkatkan keyakinan diri mereka semasa berada di negara luar. Pendekatan kaedah kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes dan temu bual mendalam pada kebiasaan memerlukan bilangan sampel yang kecil bagi membuka ruang responden kajian menyuarakan pendapat mereka secara terperinci berhubung isu berkaitan (Eriksson dan Kovalainen, 2015). Sebelum kajian dijalankan, maka berdasarkan pertimbangan wajar oleh pengkaji maka pemilihan sekumpulan responden telah dilakukan dengan membuat penetapan terhadap kriteria yang harus dimiliki oleh responden yang dikenali sebagai teknik persampelan bertujuan (Creswell, 2013).

Persampelan bertujuan yang dipilih oleh kajian ini memfokuskan kepada golongan ahli akademik dari luar negara yang dikenali sebagai akademik ekspatriat yang sedang berkhidmat di universiti awam Malaysia. Terdapat empat buah institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam kajian ini yang dinamakan Universiti I, Universiti II, Universiti III dan Universiti IV. Antara kriteria yang dikenal pasti adalah seperti berikut iaitu (a) responden merupakan ekspatriat yang telah menetap di Malaysia sekurang-kurangnya 12 bulan secara sah dan bekerja menggunakan visa pekerja negara ini, (b) responden sedang berkhidmat dengan salah sebuah universiti yang dinamakan dalam kajian ini, (c) responden merupakan seorang ekspatriat yang mengambil inisiatif sendiri untuk berekspatriasi ke Malaysia atas tujuan untuk mendapatkan pekerjaan dan (d) responden bukanlah merupakan kakitangan yang sedang mengikuti cuti sabatikal ataupun mempunyai status sebagai pertukaran kakitangan antara universiti lain.

Merujuk kajian yang dijalankan ini, kaedah temu bual semi berstruktur telah diguna pakai bagi mendapatkan data empirikal yang kaya dengan informasi berguna bagi menjawab persoalan kajian seterusnya memenuhi matlamat kajian. Pendekatan tersebut memperoleh reaksi responden ketika menjawab soalan yang diajukan kepada mereka seperti riak muka, tutur bahasa, gerak bahasa badan dan tonasi nada suara yang membantu pengkaji memahami lebih lanjut maksud pernyataan yang diberikan oleh responden kajian. Temu bual separa berstruktur mempunyai kelebihan dalam memperoleh maklum balas spesifik dari responden. Sebagai contohnya penggunaan naratif lebih memberi fokus bukan sahaja dari maksud percakapan yang dilontarkan oleh responden terhadap setiap soalan yang dikemukakan tetapi juga keutamaan diberikan kepada reaksi responden seperti tonasi suara, riak muka, gerak tangan, isyarat bahasa badan dan pandangan mata yang boleh memberikan seribu makna yang berbeza (Flick, 2014).

Langkah seterusnya merupakan prosedur penganalisisan data yang dimulakan dengan analisis induktif terhadap rakaman audio temu ramah bersama responden yang ditranskripsikan ke dalam bentuk teks. Pengkategorian tematik dilakukan ke atas setiap transkripsi responden dengan menggunakan pengekodan yang melahirkan tema-tema tertentu. Setelah selesai proses tersebut, pengkaji memperoleh team-tema utama dan tema-tema sokongan yang dikemukakan oleh responden kajian. Penyelidikan kualitatif mengutilasikan data naratif bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya memenuhi objektif kajian (Creswell, 2014).

## **Hasil Penyelidikan**

### ***Pengaruh Penguasaan dan Kemahiran Menggunakan Bahasa***

Kajian berhubung pengaruh penguasaan dan kemahiran menggunakan bahasa kebangsaan negara tuan rumah ini mendapati seramai 16 daripada 30 orang akademik ekspatriat yang ditemu bual bersetuju bahawa kelebihan berkomunikasi menggunakan bahasa tempatan memberikan manfaat terhadap pembangunan keyakinan diri sepanjang proses ekspatriasi. Manakala bagi responden yang mengutlasikan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perantara di luar waktu bekerja telah berupaya meningkatkan kemahiran berbahasa dalam tempoh masa yang singkat. Hasil kajian menunjukkan daripada 30 orang responden yang terlibat dari empat universiti awam terpilih, 16 orang responden seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah bersetuju bahawa penguasaan dan kemahiran menggunakan bahasa kebangsaan memberi manfaat semasa menempuh pengalaman ekspatriasi di negara tuan rumah.

**Jadual 1: Akademik Ekspatriat Memanfaatkan Pengaruh Penguasaan dan Kemahiran Bahasa**

<b>Universiti 1</b>	<b>Universiti 2</b>	<b>Universiti 3</b>	<b>Universiti 4</b>
Akademik Ekspatriat 2	Akademik Ekspatriat 11	Akademik Ekspatriat 18	Akademik Ekspatriat 24
Akademik Ekspatriat 5	Akademik Ekspatriat 13	Akademik Ekspatriat 19	Akademik Ekspatriat 25
Akademik Ekspatriat 6		Akademik Ekspatriat 21	Akademik Ekspatriat 27
Akademik Ekspatriat 7			Akademik Ekspatriat 28
Akademik Ekspatriat 8			Akademik Ekspatriat 29
			Akademik Ekspatriat 30

Berikut adalah beberapa pilihan petikan naratif yang disaring dari temu bual mendalam berhubung kemahiran penggunaan bahasa sebagai skil universal dalam improvisasi keyakinan dan keterampilan jati diri dalam kalangan akademik ekspatriat di universiti awam Malaysia.

*“Bercakap dalam bahasa Malaysia adalah perkara yang mudah bagi diri saya. Saya mempunyai kelebihan iaitu mahir dalam menguasai bahasa baru. Dari hari pertama saya datang ke Malaysia saya telah mula mempraktikkan bahasa tempatan. Dengan berjinak-jinak menggunakan satu dua perkataan yang mudah dihafal saya berupaya membina aya penuh dalam masa hanya beberapa minggu. Seperkara yang anda mesti tahu adalah practice makes perfect. Saya sentiasa berkomunikasi dengan masyarakat tempatan tidak kira sama ada ketika membeli barang di kedai mahupun semasa memberi kuliah kepada pelajar-pelajar saya. Masyarakat Malaysia sangat sporting. Mereka akan berasa teruja setiap kali melihat mat salleh cuba bercakap dalam bahasa mereka. Apa yang saya dapat katakan di sini adalah penguasaan bahasa tempatan sangat membantu golongan ekspatriat untuk mendapatkan kerjasama mahupun pengaruh orang di sekeliling anda.” (Akademik Ekspatriat 5)*

Berdasarkan pernyataan yang dikeluarkan oleh Akademik Ekspatriat 5, kebolehan menguasai Bahasa Malaysia adalah suatu perkara yang dirasakan mudah kerana beliau memulakan pembelajaran bercakap dalam bahasa tempatan dari hari pertama menjajakan kaki di Malaysia. Tindakan proaktif tersebut telah menghasilkan keuntungan bagi dirinya untuk mendapatkan kerjasama di tempat kerja ataupun pertolongan dari kenalan tempatan. Dalam konteks tersebut, kebijaksanaan Akademik Ekspatriat 5 dalam mengutilasikan kemahiran berbahasa secara tidak langsung telah membangunkan keyakinan diri serta dapat menyesuaikan diri dengan senario masyarakat tempatan dengan kadar lebih cepat.

Manakala penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa universal dan medium bahasa ke-dua terpenting di Malaysia telah memudahkan proses komunikasi di antara golongan ekspatriat dan masyarakat tempatan. Ini disebabkan majoriti daripada rakyat Malaysia telah menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dan kemampuan tersebut telah mengurangkan masalahkekangan komunikasi dua hala dengan rakan sekerja dan masyarakat tempatan.

*“Pada saya sekeluarga, bahasa bukanlah merupakan satu isu besar. Secara terus terang boleh saya katakan yang bahasa Malaysia merupakan antara bahasa yang mudah dipelajari dan disebut. Bagi kami yang biasa merantau ke sepuluh dunia boleh membuat perbandingan yang bahasa Malaysia adalah mudah untuk dipelajari. Saya merasakan bahasa yang susah adalah bahasa Arab. Sedangkan rumpun bahasa Malaysia itu sendiri boleh digunakan pakai kerana hampir sama dengan bahasa Indonesia, Singapura dan Brunei. Dan yang paling memudahkan proses pergaulan di sini adalah di Malaysia hampir rata-rata orang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Ini kerana sistem pendidikan negara ini menerapkan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa ke dua terpenting selepas bahasa kebangsaan mereka. Dan anda tahu bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa universal. Jadi jika kita semua boleh bercakap dalam bahasa Inggeris jadi tiada masalah bagi kami ekspatriat untuk berkomunikasi dengan orang lain”.* (Akademik Ekspatriat 13)

Justeru itu, daripada pernyataan Akademik Ekspatriat 13 juga didapati bahawa tidak wujud keperluan mendesak untuk beliau dan keluarganya mempelajari Bahasa Malaysia dengan kadar segera kerana mereka masih boleh menjalani kehidupan harian dengan bercakap menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa universal yang difahami oleh hampir semua orang. Dari perspektif tersebut, walaupun tidak dinafikan budaya asing merupakan cabaran terhebat bagi golongan ekspatriat namun dengan pilihan menggunakan bahasa Inggeris telah mengeliminasikan masalahkekangan komunikasi sesama mereka. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa kelebihan berbahasa tempatan memberi peluang untuk ekspatriat dan keluarga membina rangkaian sosial sekali gus mengelakkan dari berhadapan dengan kejutan budaya. Ini disebabkan akses kepada isu dan permasalahan diatasi dengan informasi yang lebih tepat sama ada merujuk orang tempatan mahupun mendapatkan pemahaman sendiri melalui pembacaan yang menggunakan bahasa kebangsaan.

Pernyataan daripada Akademik Ekspatriat 13 turut disokong oleh beberapa orang responden yang lain yang menyatakan bahawa walaupun mereka tidak mampu menguasai bahasa negara tuan rumah, mereka tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan dan beradaptasi dengan persekitaran negara tuan rumah. Hal ini kerana medium komunikasi di tempat kerja adalah Bahasa Inggeris. Berdasarkan temu bual beberapa orang responden antaranya telah memberikan pandangan yang hampir serupa seperti dipaparkan di bawah:

*“Oh bahasa bukan masalah kami di sini. Semua orang lebih cenderung untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. Sama seperti silibus kursus yang diwajibkan dalam bahasa Inggeris. Sistem universiti di sini lebih cenderung dan menyokong untuk kita golongan pensyarah memberikan kuliah dalam bahasa Inggeris. Buku teks dan rujukan hampir kesemuanya dalam bahasa Inggeris. Pelajar kita digalakkan bertutur dalam bahasa Inggeris. Saya rasa salah satu faktor adalah university mahu memastikan pelajar berupaya untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris setelah tamat pengajian. Saya dimaklumkan pelajar kita sangat lemah berbahasa Inggeris dan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan kerana penguasaan bahasa Inggeris yang tidak baik. Jika anda boleh berbahasa Inggeris maka anda hanya akan memperoleh kebaikan dan kelebihan dari kemahiran anda itu. Jadi isu kami ekspatriat tidak dapat menguasai bahasa tempatan dengan baik bukanlah satu isu yang memberi tekanan di tempat kerja mahupun seharian”.* (Akademik Ekspatriat 18)

Manakala Akademik Ekspatriat 21 berpandangan sumbangan nilai tambah keyakinan diri berlaku apabila seseorang individu mempunyai pendirian seperti dengan menyatakan “halangan bahasa adalah halangan paling terakhir yang patut difikirkan oleh seorang ekspatriat”. Dalam erti kata lain, Akademik Ekspatriat 21 menampakkan usaha untuk menghadapi situasi berbeza bukan sahaja di tempat kerja, malahan di dalam kehidupan sehari-hari secara peribadinya memberi kesan ke atas jati diri ekspatriat. Usaha untuk memahami sebahagian besar apa yang dipertuturkan oleh masyarakat sekeliling yang menggunakan dialek dan bukannya bahasa baku kebangsaan telah memberikan keyakinan dirinya sendiri. Manakala aandaian positif di mana interpretasi Akademik Ekspatriat 21 terhadap struktur sosial baru mampu untuk meningkatkan nilai-nilai positif dalam diri ekspatriat seterusnya membantu meningkatkan lagi keterampilan diri mereka.

*“Saya boleh bercakap sedikit-sedikit bahasa Malaysia baku. Bukan bahasa tempatan yang mempunyai slanga tertentu. Di sini apabila kita boleh bercakap dalam bahasa Malaysia tidak bermakna kamu boleh faham apa yang mereka cakapkan. Saya menghadapi masalah untuk memahami sebahagian besar apa yang dipertuturkan disebabkan dialek yang digunakan oleh sesetengah orang adalah sangat kuat. Lagipun kita tidak boleh mengharapkan semua orang selesa menggunakan bahasa baku, jadi kita juga tidak boleh memaksa mereka bertutur dalam bahasa baku. Tapi apa-apa pun ianya bukanlah masalah yang besar. Selagi kita mahu belajar, halangan bahasa adalah halangan paling terakhir yang patut difikirkan oleh seorang ekspatriat. Yang penting kita boleh diterima oleh rakan sepejabat, jiran tetangga tanpa mengira bahasa apakah yang menjadi penghubung kita”.* (Akademik Ekspatriat 21)

Ketidakpuasan hati yang digambarkan oleh Akademik Ekspatriat 24 adalah apabila berdepan dengan masalah pandangan masyarakat umum terhadap golongan ekspatriat yang tidak mahu langsung mengambil sebarang inisiatif untuk mempelajari bahasa kebangsaan menyangkal dakwaan penggunaan bahasa tempatan boleh dijadikan medium untuk menaikkan keyakinan diri ekspatriat. Menurut Akademik Ekspatriat 24 kemahiran berbahasa dianggap pemudah cara bagi golongan ekspatriat dalam menyesuaikan diri di tempat baru. Tidak dinafikan juga kebolehan menguasai bahasa kebangsaan bakal memudahkan kehidupan ekspatriat untuk didekati oleh masyarakat tempatan. Namun pada pendiriannya itu tidak bermakna kita tidak boleh mempunyai kelancaran komunikasi dua hala.

*“Saya kurang pasti apa yang menjadi isu di sini. Kamu orang Malaysia. Seumur hidup kamu di sini, dilahirkan, bersekolah dan menjalani kehidupan kamu di sini. Tetapi kamu masih tidak boleh bercakap bahasa Cina atau bahasa India. Jadi dalam konteks tersebut bahasa bukan penghalang untuk kita golongan ekspatriat berada dengan selesa di sini. Pada saya kemahiran berbahasa cuma lah pemudah cara untuk kita memudahkan kehidupan kita atau lebih senang didekati oleh masyarakat tempatan. Tetapi itu tidak bermakna kita tidak boleh mempunyai kelancaran komunikasi. Bagi golongan profesional kesan bahasa pada prestasi kerja kita pun tidaklah sesuatu yang perlu dirisaukan. Kita berada dalam dunia siber. Kita bergerak seiring dengan masa. Dan masa kini adalah lebih kepada masa teknologi”.* (Akademik Ekspatriat 24)

Menurut Akademik Ekspatriat 30 keperluan dalam menggunakan bahasa negara tuan rumah adalah kunci kepada kejayaan dalam menyesuaikan dan beradaptasi dengan persekitaran negara tuan rumah dan ianya dianggap salah satu faktor yang amat penting. Penggunaan bahasa merupakan cara paling mudah untuk mendekati masyarakat tempatan. Apabila peluang mengenali mereka telah diperoleh maka jalinan persahabatan dengan masyarakat tempat dianggap bonus terhadap usaha tersebut.

*“Saya tidak menafikan saya terlepas peluang yang banyak apabila bercakap bersama-sama rakan tempatan. Mereka bercakap sangat laju dan diselang-selikan dengan dialek yang pelik. Pada awalnya saya kerap akan menyuruh mereka mengulangi secara perlahan-lahan. Lama-kelamaan saya tidak mahu bertanya berulang kali jika saya tidak faham. Cara terbaik hanya gelak apabila mereka merasa lucu tentang sesuatu perkara. Atau lagi baik anda diam saja supaya anda tidak mahu mengganggu kelancaran perbualan mereka. Pada saya yang penting adalah kesefahaman. Kita tidak boleh mengharapkan semuanya sempurna dalam sesebuah persahabatan. Yang penting kita punya hati yang baik dan cara yang menghormati budaya orang lain. Itu sudah cukup memadai bagi saya”.* (Akademik Ekspatriat 30)

Isu yang serupa telah turut diketengahkan oleh Akademik Ekspatriat 7, iaitu menjalani asimilasi diri dengan baik adalah jawapan kepada segala permasalahan apabila anda menjadi seorang ekspatriat. Dengan penguasaan bahasa yang betul maka pemikiran dan tindakan seseorang dalam komunikasi dan interaksi bersama masyarakat sekeliling berhasil mengeratkan seseorang dengan seseorang yang lain.

*“Ya, adaptasi diri adalah kunci kepada segalanya apabila anda menjadi seorang ekspatriat. Salah satu darinya adalah berkebolehan sekurang-kurangnya memahami bahasa pertuturan orang tempatan. Saya menghadapi sedikit masalah apabila semua memo, emel dan pernyataan dibuat dalam bahasa tempatan. Kadang-kadang ianya agak mengecewakan apabila anda harus menterjemahkan kepada bahasa Inggeris. Dan agak melucukan kerana kadang-kadang anda tidak tahu pun mana satu yang mustahak dan perlukan perhatian segera anda ataupun yang hanyalah pemberitahuan umum. Saya selalu terlepas pandang dan terpinga-pinga bila info yang tepat tidak sampai ke pengetahuan. Oleh itu pada pandangan saya apa bentuk cara pun anda berada di kedudukan yang lebih baik jika anda boleh menguasai bahasa tempatan”.* (Akademik Ekspatriat 7)

Akademik Ekspatriat 27 dalam menceritakan kepentingan mengenali seseorang melalui penguasaan bahasa, menekankan bagaimana proses penyesuaian dirinya dibantu oleh masyarakat tempatan yang melihat kesungguhannya untuk mempelajari bahasa lantas kebanyakan dari mereka menawarkan diri menjadi guru bahasa percuma. Dengan sokongan moral yang diperlihatkan dalam membantu golongan ekspatriat menguasai bahasa tempatan maka adalah wajar bagi mengatakan bahawa peranan pelbagai pihak adalah signifikan dan dianggap medium bernilai kepada golongan ekspatriat.

*“Oh saya rasa sangat mustahak. Kita mengenali seseorang dengan lebih dekat melalui bahasa. Dengan mempunyai kelebihan berbahasa tempatan kita bukan saja memudahkan urusan kerja kita tetapi juga yang paling penting adalah kita akan lebih mudah diterima masuk ke dalam masyarakat tempatan. Saya suka belajar tentang manusia. Tentang bangsa, tentang agama, tentang budaya. Semuanya berhubung kait antara satu sama lain. Bayangkan jika anda tidak boleh memahami apa yang mereka cakapkan. Itu seumpama anda tidak berada di tempat yang betul pada masa yang betul. Saya mengambil kelas bercakap bahasa Malaysia selama setahun dengan menggunakan duit sendiri. Saya terdorong untuk melakukannya kerana saya melihat peri pentingnya bahasa dalam membantu saya. Lagipun saya mahu berasa seronok tinggal di sini. Inilah masa yang paling baik untuk belajar bahasa asing dengan mudah dan cepat. Mungkin di masa hadapan saya berhijrah ke negara lain, saya tidak akan merasa sebegini teruja untuk belajar bahasa Malaysia”. (Akademik Ekspatriat 27)*

#### **Pengaruh Keyakinan Diri Dalam Penyesuaian Persekutaran Negara Tuan Rumah**

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, 15 daripada akademik ekspatriat percaya bahawa keyakinan dalam diri merupakan faktor penyumbang kepada penyesuaian asimilasi persekitaran budaya negara tuan rumah. Umumnya responden menyedari dengan adanya keyakinan diri, seseorang ekspatriat itu akan lebih yakin untuk memahami dan mendalami serta menjalankan interaksi sosial dengan masyarakat tempatan. Perkara ini juga disokong oleh majoriti responden yang menyuarakan pandangan berhubung elemen keyakinan diri perlu ada pada seorang ekspatriat kerana ianya adalah faktor penting yang mampu mempengaruhi proses adaptasi dan penyesuaian persekitaran budaya di negara tuan rumah.

Justeru itu, keyakinan diri merupakan elemen penting dalam melaksanakan pekerjaan dengan lebih baik. Di samping itu, kemampuan dan mempunyai keyakinan untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan turut menyumbang kepada adaptasi sosio-budaya yang lancar. Hasil kajian menunjukkan 15 daripada 30 orang akademik ekspatriat yang disenaraikan dalam Jadual 2 di bawah menyebut tentang keyakinan diri memberi kelebihan pada kerjaya dan melancarkan interaksi dengan masyarakat tempatan.

**Jadual 2: Responden Menyatakan Keyakinan Diri Memberi Kelebihan Pada Kerjaya dan Interaksi Dengan Masyarakat Tempatan**

<b>Universiti 1</b>	<b>Universiti 2</b>	<b>Universiti 3</b>	<b>Universiti 4</b>
Akademik Ekspatriat 1	Akademik Ekspatriat 11	Akademik Ekspatriat 17	Akademik Ekspatriat 23
Akademik Ekspatriat 3	Akademik Ekspatriat 13	Akademik Ekspatriat 19	Akademik Ekspatriat 26
Akademik Ekspatriat 4	Akademik Ekspatriat 14	Akademik Ekspatriat 20	
Akademik Ekspatriat 9	Akademik Ekspatriat 15	Akademik Ekspatriat 22	
	Akademik Ekspatriat 16		

Seiring dengan perbincangan kertas kerja ini, maka pendekatan naratif digunakan bagi memperoleh pemahaman terhadap pentafsiran ekspatriat berhubung improvisasi keyakinan dan keterampilan jati diri serta membantu penyelidik lebih memahami tindakan ekspatriat dalam menginterpretasikan keyakinan diri yang diperolehi dari ekspatriasi tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan kepada kenyataan dari beberapa responden seperti yang diuraikan di bawah:

Menurut Akademik Ekspatriat 1, tahap keyakinan yang tinggi membawa kepada keterlibatan kredibiliti seseorang dalam menjalankan tugas terutama bagi bidang profesion yang melibatkan interaksi harian secara intensif. Sebagai seorang pensyarah responden beranggap kunci kepada menyampaikan kuliah yang efektif adalah dengan mempunyai kemahiran interaksi yang tinggi yang semestinya datang dari keyakinan dalam diri.

*“Keyakinan diri penting terutama untuk seorang ekspatriat berdikari seperti saya. Keterampilan diri akan menjadi positif jika kita mempunyai tahap keyakinan yang tinggi. Kerjaya sebagai seorang pensyarah menjadikan keperluan asas bagi seseorang tampil di khalayak ramai. Pensyarah yang berkaliber tidak akan mempunyai ciri-ciri pemalu, tidak berani bersuara dan tidak berkeyakinan. Kita dipandang tinggi oleh para pelajar kita. Kita adalah role model kepada pelajar kita. Saya belum lagi berjumpa seorang pensyarah yang tidak boleh berhujah dengan baik di khalayak ramai. Itulah aset dan kelebihan kita sebagai pensyarah. Tambahan lagi bagi kami yang datang sebagai kakitangan antarabangsa harus menempuh proses temu duga pekerjaan yang agak sukar. Tanpa keyakinan diri yang ditonjolkan semasa temu duga maka tiada majikan yang mahukan anda bekerja untuk mereka”.* (Akademik Ekspatriat 1)

Justeru itu keyakinan diri dikatakan lebih bersifat peribadi dan dinamik seperti yang disokong oleh Akademik Ekspatriat 14 di mana beliau menjelaskan keyakinan diri boleh diutilasikan untuk kepentingan diri tetapi tidaklah sehingga melampaui batas. Keyakinan diri yang berlebihan boleh mengundang prasangka orang sehingga bertukar menjadi perangkap personaliti yang akhirnya menjerat diri sendiri. Manakala keyakinan diri adalah salah satu dari kualiti diri yang digarap dari pendidikan dan pengaruh sekeliling. Oleh yang demikian ianya boleh dipelajari dan dipertingkatkan dari masa ke semasa seperti yang disarankan oleh Akademik Ekspatriat 14 dalam kenyataan di bawah:

*“Sebenarnya dengan mempunyai keyakinan diri anda akan dihormati oleh orang disekeliling anda. Maksud saya keyakinan diri yang tidak melampaui batasan sehingga menampakkan anda sebagai seorang yang angkuh. Keyakinan diri datang dari personaliti yang dibangunkan. Bukan semua orang dilahirkan sebagai seorang yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Maksud saya anda belajar untuk jadi yakin akan kebolehan diri anda sendiri. Dan keyakinan diri sesuatu yang boleh dipelajari. Saya rasa ramai yang salah anggap terhadap konsep keyakinan diri. Ianya bukan sifat semula jadi kita. Ianya lebih merupakan sifat yang terbentuk dari persekitaran dan pendidikan kita semenjak kecil lagi”.* (Akademik Ekspatriat 14)

Menurut Akademik Ekspatriat 16, keyakinan diri membantu beliau untuk berhadapan dengan cabaran bertemu dengan orang luar dari pelbagai bangsa dan agama serta persekitaran yang berbeza dari kebiasaannya di negara asal. Beliau merasakan keyakinan diri yang dibangunkan dalam diri secara perlahan-lahan berupaya memberikan kelebihan secara rohaniah di tempat kerja mahupun ketika ekspatriat memperoleh keselesaan menjalani rutin kehidupan sehari-hari. Dalam konteks tersebut proses asimilasi dalam struktur sosial bagi ekspatriat dikenali sebagai suatu proses kognitif yang terjadi semasa individu cuba mengasimilasikan diri mereka dalam persekitaran budaya asing.

*“Pertama kali menjakkan kaki di Malaysia saya agak gementar. Bagi saya secara peribadi Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai cabaran yang tersendiri. Selain dari mempunyai pelajar dari berbilang bangsa, bahasa dan agama antara cabaran besar adalah mempunyai rakan kerja yang mempunyai keyakinan tinggi dengan bidang kepakaran masing-masing. Selain mempunyai mata bonus kerana bekerja di negara sendiri, keyakinan diri mereka datang dengan pengalaman yang luas. Namun begitu saya bersyukur kerana saya dapat mengadaptasikan diri dengan baik dan membina keyakinan diri di negara orang.”* (Akademik Ekspatriat 16)

Dalam konteks tersebut keyakinan diri dikaitkan dengan proses psikologi pula Akademik Ekspatriat 22 memberi pandangan bagi ekspatriat berkeyakinan diri yang rendah (*low esteem*) maka mereka akan menempuh kesukaran berada dalam budaya berbeza di negara tuan rumah. Namun bagi pandangan beliau, perkara tersebut adalah normal bagi setiap ekspatriat yang melalui proses ekspatriasi dan faktor masa berupaya membantu masalah ketidakserasan dengan persekitaran asing dan dalam konteks tersebut ekspatriat yang berusaha untuk keluar dari zon selesa secepat mungkin akan beroleh manfaat daripada persekitaran yang baru.

*“Bercakap ekspatriat yang berhadapan dengan asimilasi silang budaya di negara tuan rumah, aspek yang paling membantu adalah sekiranya individu tersebut mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Contohnya, tidak semua orang boleh membiasakan diri dengan persekitaran baru terutamanya dari segi kekangan bahasa, perbezaan makanan, penyesuaian diri dengan cuaca dan sebagainya. Namun setiap kesukaran tersebut dapat diatasi dengan baik sekiranya seseorang mempunyai jati diri dan keyakinan untuk menempuh pengalaman ekspatriasi di negara tuan rumah. Ini adalah sangat normal. Semua orang berupaya untuk membiasakan diri mereka kepada persekitaran baru. Yang membezakan adalah jangka masa yang diambil sama ada singkat ataupun lama. Dari situ kita kan lihat betapa pentingnya mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi semasa bergelar ekspatriat.”* (Akademik Ekspatriat 22)

Sebaliknya bagi ekspatriat yang berkeyakinan tinggi memperlihatkan kecenderungan untuk memupuk kemahiran insaniah dengan berusaha menyesuaikan dengan persekitaran melalui cara mengenali perbezaan budaya, menghormati adat resam masyarakat tempatan dan belajar untuk menguasai bahasa negara tuan rumah.

*“Suatu ketika dulu saya mempunyai teman baik yang bercita-cita untuk menjadi ekspatriat. Agak janggal apabila teman saya tidak menyatakan secara spesifik bidang pekerjaan yang diminati. Beliau hanya menekankan cita-citanya hanyalah untuk mendapat pekerjaan di negara luar dari negara asal iaitu bekerja dengan majikan yang berada di luar negara. Yang lebih menghairankan apabila beliau menceritakan alasan di sebalik keinginannya itu adalah kerana beliau ingin mengembara ke merata dunia dan tahu keinginan tersebut akan dapat dipenuhi kerana beliau mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Saya tidak memahami apa yang dimaksudkan oleh rakan baik saya itu sehingga salah saya sendiri menjadi ekspatriat”.* (Akademik Ekspatriat 23)

### Kesimpulan

Kajian ini menyumbangkan kepada literatur pengurusan ekspatriat dengan membincangkan kecenderungan penguasaan dan kemahiran berbahasa dalam memberikan kelebihan kepada ekspatriat dari konteks keyakinan diri. Perbincangan dalam kertas kerja ini menekankan kepentingan penggunaan bahasa negara tuan rumah diamalkan dalam persekitaran tempat kerja dan juga dalam menjalani kehidupan peribadi apabila berinteraksi dengan masyarakat sekeliling. Manakala akademik ekspatriat yang terlibat dalam kajian rata-ratanya berpendapat mempunyai kebolehan berbahasa tempatan serta mengutillasika kemahiran tersebut sebagai salah satu dari faktor yang menyumbangkan kejayaan kepada tugas antarabangsa.

Namun terdapat juga usul daripada akademik ekspatriat yang merasakan kewajaran mendapatkan kemahiran berbahasa kebangsaan bukanlah menjadi faktor penentu kecekapan dalam menjalankan tugas itu. Alasan yang diberikan lebih menumpukan kepada kebolehupayaan masyarakat Malaysia dalam berbahasa Inggeris yang dikatakan merupakan bahasa ke dua terpenting di negara ini. Manakala sistem pendidikan negara ini telah mendedahkan rakyatnya dengan kemahiran bahasa universal tersebut maka penguasaan bahasa tempatan tidaklah menjadi satu keperluan mendesak dan bukanlah faktor utama yang mempunyai kelangsungan dengan keyakinan diri ekspatriat. Tambahan pula dalam era globalisasi Bahasa Inggeris digunakan sebagai medium interaksi yang menjadi keharusan pada hampir semua peringkat perniagaan. Justeru itu penggunaan bahasa adalah dimensi penting terhadap kejayaan ekspatriat akademik dalam penyesuaian dan adaptasi budaya negara tuan rumah. Tetapi dalam konteks Malaysia, terdapat juga responden menyatakan bahawa mereka mampu menyesuaikan persekitaran negara tuan rumah tanpa menggunakan bahasa negara tersebut. Namun begitu tidaklah dinafikan bahawa dengan mempunyai kelebihan berbahasa tempatan, ianya akan menjadikan proses asimilasi persekitaran asing dan silang budaya dapat disingkatkan tempohnya.

Perbincangan berhubung keyakinan dan keterampilan jati diri dalam kalangan ekspatriat kerap diketengahkan namun pendekatan yang diambil adalah meletakkan kelebihan tersebut bagi dimanfaatkan di pihak organisasi dan bukannya ekspatriat sebagai subjek kajian. Keyakinan dan keterampilan jati diri ekspatriat berdikari secara jelas dilihat sebagai suatu cara bagi mengiktiraf kan keupayaan seseorang individu bertindak balas dengan rangsangan luar, lantas membawa nilai positif kepada dirinya. Proses proaktif tersebut dilakukan

dengan cuba mencari jawapan terhadap perubahan dan transformasi diri ketika berada di negara orang. Pencarian jawapan berhubung identiti diri mereka sebagai seorang ekspatriat termasuklah menerokai budaya asing, melepaskan budaya negara asal, mengembangkan rangkaian kenalan dan melakukan penilaian terhadap potensi serta kemampuan diri menangani cabaran hidup di luar negara.

Selain dari itu, kajian ini diharapkan dapat menambah nilai dalam literatur pengurusan ekspatriat dengan mengenal pasti bidang kerjaya akademik sebagai salah satu jenis kerjaya khusus untuk ekspatriat berinisiatif sendiri dan menjadikan konsep asas untuk menjelaskan bagaimana mereka berinteraksi seperti penguasaan bahasa berupaya meningkatkan keyakinan diri yang melakarkan pembangunan kerjaya masing-masing. Implikasi praktikal kajian ini bakal memenuhi keperluan pengurusan sumber manusia IPT, terutama dalam aspek pengambilan, pengekalan serta pengurusan kerjaya golongan akademik yang berinisiatif sendiri boleh dilihat dari aspek kemahiran insaniah. Ini sekali gus berupaya untuk membantu IPT dalam menyediakan kakitangan akademik antarabangsa yang bersifat global, berkualiti dan berkredibiliti. Kajian ini menyumbang maklumat berguna pada literatur pengurusan ekspatriat dan memberikan bukti lanjut bahawa ekspatriat berusaha sendiri membentuk satu kelompok yang sekian lama terlepas pandang dari tumpuan penyelidikan.

## Bibliografi

- Al Ariss, A. and Crowley-Henry, M. (2013). Self-Initiated Expatriation and Migration in The Management Literature Present Theorizations and Future Research Directions. *Career Development International*, 18 (1):78-96.
- Bhatti, M.A., Battour, M.M., Ismail, A.R. and Sundram, V.P. (2014). Effects of Personality Traits (Big Five) On Expatriates Adjustment and Job Performance. *Equality, Diversity and Inclusion: An International Journal*, 33(1): 73-96.
- Biemann, T and Andresen, M. (2010). Self-Initiated Foreign Expatriates Versus Assigned Expatriates Two Distinct Types of International Careers? *Journal of Managerial Psychology*, 25 (4):430-448.
- Canhilal, S. K., Shemueli, R. G. and Dolan, S. (2015). Antecedent Factors for Success in International Assignments: The Case of Expatriates in Peru. *Journal of Global Mobility*, 3 (4): 378–396.
- Creswell, J. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among five approach*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage, Oaks.
- Flick, U. (2014). *An Introduction to Qualitative Research*. Sage Publications, London.
- Danilyuk, I and Paschenko, S. (2012). Academic Mobility and Professionalism of Higher School Staff in Ukraine: Evaluation and Assessment. *Social and Behavioral Sciences*, 69:1785-1794.
- Doherty, N., Richardson, J. and Thorn, K. (2013). Self-Initiated Expatriation Career Experiences, Processes and Outcomes. *Career Development International*, 18 (1):6-11.
- Eriksson, P. and Kovalainen, A. (2015). *Qualitative Methods in Business Research: A Practical Guide to Social Research*. Sage Publications, London.
- Jones, S. R. and McEwen, M. K. (2002). A Conceptual Model of Multiple Dimensions of Identity. In Sharon B. Merriam and Associates (eds.). *Qualitative Research in Practice (1<sup>st</sup>ed.)*. pp. 163-175. The Jossey-Bass Higher and Adult Education Series.

- Majid Wahid Shaikh and Kamarul Zaman bin Ahmad. (2018). Factors affecting Happiness of Expatriate Academicians and Expatriate Non-Academicians in Dubai. *International Review of Advances in Business Management and Law IRAMBL*, 1 (1): 1-12
- Peltokropi, V. and Froese, F.J. (2014). Expatriate Personality and Cultural Fit: The Moderating Role of Host Country Context on Job Satisfaction. *International Business Review*, 23 (1): 293-302.
- Philipp, P. and Katrin, M. (2017). Host Country Language Skills and Expatriates' Cross-Cultural Adjustment in The Presence of Fear of terror. *Journal of Global Mobility*, 5 (4): 418-442.
- Rashid Aziz, S. M. (2014). Personality and happiness among academicians in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 4209-4212.
- Richardson, J. (2000). Expatriate Academics in the Globalized Era: The Beginnings of an Untold Story? *Asia Pacific Business Review*. 7(7):125-150.
- Selmer, J. and Lauring, J. (2015). Host Country Language Ability and Expatriate Adjustment: The Moderating Effect of Language Difficulty. *The International Journal of Human Resource Management*, 26 (3): 401- 420.
- Silverman, D. (2013). Doing Qualitative Research: A Practical Handbook, 4th ed. SAGE Publications, London.
- Yin, R. K. (2009). *Case study Research: Design and Methods 4rd Edition*. Thousand Oaks. C A. Sage.